

01/04/2004

Saya suka pembaca tertanya-tanya: Ramlee

Norzilawati Sidek

RAMLEE Awang Murshid, deejay Radio Muzik di Radio Televisyen Malaysia (RTM), pernah memenangi Hadiah Sako, Hadiah Novel Dewasa, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Hadiah Sastera Negeri Sabah. Novelnya yang sudah diterbitkan Pei Pan, Igauan Maut, Tombiruo, Ranggau, Mandatori, Semangat Hutan, Aku Darah Anak Malaysia (Adam) dan Satu Janji manakala Tombiruo Terakhir dalam proses pembikinan. Ikuti wawancara wartawan Sastera dan Budaya, NORZILAWATI SIDEK, dengan beliau.

SEJAK bila Ramlee terbabit dalam dunia penulisan?

Dari 1985 hingga 1990 saya terbabit dalam penulisan skrip drama radio di RTM, Kota Kinabalu, Sabah. Setelah berhijrah ke Kuala Lumpur sebagai wartawan penyiaran, berputik minat menulis novel.

Bagaimana Ramlee boleh beralih daripada dunia kewartawanan ke penulisan?

Kewartawanan dan penulisan satu jalan walaupun berbeza. Berkarya kreatif memerlukan penyelidikan, sama seperti ilmu kewartawanan. Penulisan berita banyak membantu saya mendapatkan maklumat dan fakta bagi karya kreatif saya.

Bagaimana fakta penting yang dimasukkan ke dalam karya?

Saya banyak menggunakan buku rujukan. Saya tahu serba sedikit mengenai tali gantung dan undang-undang jenayah di Malaysia. Pengalaman mengadakan dokumentari bersama pakar psikiatri dan menonton filem berkaitan banyak membantu saya dalam berkarya.

Mengapa Ramlee memilih bentuk `thriller' dalam penulisan?

Novel saya bukan `thriller' sepenuhnya. Ia ada elemen kekeluargaan, debar, keagamaan dan isu semasa. Saya memilih konsep ini kerana pengaruh proses pembesaran. Ayah saya pegawai penjara dan setiap hari saya berdepan dengan banduan,

Antara bidang kewartawanan dan penulisan, yang mana lebih memberi kepuasan?

Penulisan. Ia sesuai dengan jiwa saya. Bohong jika saya katakan bidang ini mendatangkan pendapatan sampingan. Saya juga meminati bidang kewartawanan tetapi saya tidak mahu ia menjadi karier seumur hidup saya.

Adakah Ramlee merasa novel jenis ini diterima ramai sedangkan remaja suka karya cinta?

Penyelidikan menunjukkan ada peningkatan jualan dan boleh diandaikan masyarakat mula menggemari penulisan sebegini. `Teori' saya melalui novel, Satu Janji, yang menggabungkan unsur cinta dan penyiasatan, diterbitkan tahun lalu mendapat sambutan hangat. Saya mengambil masa 10 tahun untuk mendapatkan `teori' itu.

Novel Ramlee yang manakah mendapat sambutan menggalakkan?

Satu Janji diulang cetak dan 20,000 naskhah dijual dalam masa enam bulan.

Pernahkah Ramlee mengalami masalah dalam menerbitkan novel setakat ini?

Setakat ini tiada masalah. Cuma berlaku rombakan kecil bagi mencantikkan cerita. Bukan untuk mengubah struktur cerita tetapi mengatasi masalah teknikal, seperti mencetuskan keselarian dalam novel Adam berhubung `White House' dan penerbangan ke Amerika Syarikat melalui Dubai serta Jepun.

Bagaimana Ramlee membahagikan masa antara kerjaya, keluarga dan berkarya?

Sewaktu bekerja, saya memberi sepenuh tumpuan pada tugas. Bermula awal malam sehingga anak tidur, saya habiskan masa bersama anak dan isteri.

Sekiranya saya cuti keesokan harinya, saya akan berjaga sampai lewat pagi untuk menyiapkan karya. Jika penerbit mendesak, saya akan menyiapkannya sesegera mungkin.

Tidakkah karya dalam keadaan terdesak akan menghilangkan seninya?

Terdesak yang saya maksudkan di sini bukanlah karya spontan tetapi sudah ada kerangka kukuh dan hampir setahun disiapkan. Apabila penerbitan mendesak disiapkan dalam masa tertentu, saya bersengkang mata untuk menyelesaikannya.

Tidak bercadang menulis cerpen?

Saya pernah menulis cerpen berbentuk 'thriller' untuk majalah I tetapi tidak mendapat kepuasan kerana pengolahannya terhad. Berbeza dengan novel yang boleh memberi ruang untuk saya mengembangkan idea dan fakta. Seorang novelis akan berusaha menjaga kesinambungan fakta, cerita dan watak.

Resipi Ramlee menghasilkan novel yang baik?

Saya menyediakan draf untuk setiap bab, lengkap dengan carta klimaksnya. Jika saya dapati sepanjang tiga bab, ceritanya mendatar, saya akan menambah adegan cemas. Saya mahu pembaca tertanya-tanya mengenai misteri yang belum terungkap. Saya gemar meninggalkan tanda soal pada setiap akhiran bab agar pembaca tidak sabar mengetahui kesudahan cerita.

Walaupun novel Ramlee berkonsep 'thriller', adakah wujud unsur keagamaan?

Kepada peminat yang pernah membaca novel saya, mereka pasti boleh menilai keislaman yang saya terapkan. Setiap watak dalam novel mesti menunaikan solat. Bagi saya, solat perkara utama dalam diri individu Islam.

Adakah kulit luar novel mempengaruhi pembaca untuk membelinya?

Memang. Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, pernah menyuarakan pembungkusan yang cantik akan mempengaruhi pembelian. Pemilihan kulit yang memberangsangkan adalah tugas Alaf 21 Sdn Bhd dan saya tidak masuk campur.

Adakah Ramlee berpuas hati dengan anugerah sastera yang diperolehi setakat ini?

Hadiah Sako untuk Novel Pei Pan. Novel sulung saya, Igauan Maut menang Hadiah Novel Dewasa Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan disusuli Hadiah Sastera Negeri Sabah, belum memuaskan hati saya. Saya mahu meraih lebih banyak anugerah kerana pengiktirafan motivasi untuk saya meningkatkan penulisan.

Pandangan Ramlee mengenai penulis muda yang suka menggunakan bahasa kolokial dalam karya? Tidakkah ini mungkin merosakkan Bahasa Melayu?

Kita kena lihat realiti masyarakat sekarang yang suka menggunakan bahasa tokok tambah dalam penulisan dan tidak dinafikan ia akan merosakkan bahasa. Saya rasa lebih baik mereka menggunakan bahasa percakapan basahan mereka agar lebih mudah difahami pembaca.

Nasihat Ramlee kepada penulis muda yang baru berjinak dalam dunia penulisan?

Menulis dengan ilmu hasil pembacaan, pengalaman, pemerhatian dan mencontohi orang lama. Jangan angkuh. Terima nasihat penulis veteran dan sabar. Kita perlu sedar idea datangnya dari Yang Maha Esa. Berdoa dan berusaha, insya-Allah dikabulkan.